

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,
YBrs/Dr./ Ir./ Ts./ Tuan/Puan,
Hebahan koleksi keratan akhbar terpilih minggu ini untuk makluman dan rujukan.

| | | |
|----|-----------------------|---|
| 1. | TAJUK | PENCEMARAN DI KAMPUNG PASIR INTAN : JAWATANKUASA BENCANA DITUBUH BERSIHKAN SISA BAHAN KIMIA |
| | SUMBER | BH (8 OKTOBER 2024) |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | ALAM SEKITAR |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | 20 (NASIONAL) |

Pencemaran di Kampung Pasir Intan

Jawatankuasa bencana ditubuh bersihkan sisa bahan kimia

Johor Bahru: Proses pembersihan pencemaran bahan kimia di lombong Kampung Orang Asli Pasir Intan, di Kota Tinggi akan disegerakan dengan penubuhan Jawatankuasa Bencana.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar, Ling Tian Soon, berkata pihaknya mengesakan pembuangan sisa kimia di kawasan lapang di kampung terdabit menyebabkan berlaku takungan bahan itu.

"Kami sedang usahakan proses pembersihan di kawasan Kota Tinggi kerana situasi berbeza.

"Di Kota Tinggi, pihak tidak bertanggungjawab melepaskan sisa kimia di satu kawasan lapang dan semak samun.

"Di situ ada takungan sisa kimia, saya sudah berbincang dengan pegawai daerah Kota Tinggi supaya mereka juga tubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana supaya boleh cepatkan pro-

ses pembersihan di kawasan berkenaan," katanya selepas Program Green Legacy Johor Summit 2024, di Pusat Konvensyen Antarabangsa (Persada) di sini, semalam.

Mengenai perkembangan terbaharu pencemaran bahan kimia di Johor Bahru, Tian Soon memaklumkan kerja pembersihan sungai di Sungai Pandan dan Sungai Plentong di Johor Bahru, Johor sudah selesai.

Bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan belum diambil memandangkan siasatan masih berjalan membabitkan kerjasama PBT, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Johor.

"Dalam senarai kita ada lebih 150 kilang yang menghasilkan bahan buangan itu dan sudah selesai membuat pemeriksaan, namun belum ada lagi tindakan penguatkuasaan.

"Siasatan berkaitan masih berlanjutan dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk PDRM, JAS dan PBT," katanya.

Pada 26 September lalu, lima individu, termasuk pengarah sebuah kilang warga Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Tinggi, kerana melakukan sabotaj terhadap perkhidmatan air di Bandar Tenggara, 4 September lalu.

Mereka didakwa melakukan perbuatan berkenaan di kawasan lombong Kampung Orang Asli Pasir Intan, Bandar Tenggara antara jam 8 malam hingga jam 11.30 malam 4 September lalu.

Awal bulan ini, Johor berdepan beberapa siri pencemaran bau dipercayai berpunca daripada pembuangan sisa kimia di sungai sekitar Johor Bahru dan Kota Tinggi.

Lebih 38 penduduk Orang Asli di Kampung Pasir Intan terpaksa

“Di situ ada takungan sisa kimia, saya sudah berbincang dengan pegawai daerah Kota Tinggi supaya mereka juga tubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana supaya boleh cepatkan proses pembersihan di kawasan itu”

Ling Tian Soon,
Pengerusi
Jawatankuasa
Kesihatan dan
Alam Sekitar
Johor



dipindahkan ke balai raya kampung berdekatan selepas mendakwa sesak nafas dan sukar bernafas susulan pencemaran bau Sungai Linggul, iaitu anak Sungai Sayong.

| | | |
|----|-----------------------|--|
| 2. | TAJUK | TANGKI MINYAK KILANG BOCOR PUNCA ALIRAN MASUKI SUNGAI GONG |
| | SUMBER | BH (10 OKTOBER 2024) |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | ALAM SEKITAR |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | 20 (NASIONAL) |

Tangki minyak kilang bocor punca aliran masuki Sungai Gong

LUAS laksana langkah kawalan, buat sekatan guna pasir elak pencemaran merebak

Oleh Norzamia Che Noh
bnnews@bh.com.my

Shah Alam: Aliran tercemar yang memasuki Sungai Gong pada 7 Oktober lalu disyaki berpunca daripada kebocoran tangki yang dipercayai mengandungi minyak milik sebuah kilang di kawasan Industri Rawang Integrated.

EXCO Alam Sekitar Selangor, Jamaliah Jamaluddin, berkata punca pencemaran itu difokuskan hasil semakan Lembaga Urus Air

Selangor (LUAS).

"Berdasarkan semakan, terdapat kebocoran daripada tangki disyaki minyak milik premis berkenaan ekoran daripada kerosakan injap tangki.

"Kebocoran daripada tangki dengan kapasiti 1.84 meter padu itu menyebabkan anggaran 1.23 meter padu kapasiti aliran minyak melimpah keluar dan memasuki longkang berhampiran, seterusnya ke Sungai Gong.

"LUAS sudah mengarahkan pihak premis untuk menghentikan aliran minyak ini serta-merta termasuk meletakkan pasir di kawasan tumpahan minyak di dalam premis sebagai tindakan kawalan," katanya menerusi kenyataan, semalam.

Laksana kerja pembersihan

Jamaliah berkata, LUAS juga sudah mengeluarkan Pemberitahuan Bertulis di bawah Seksyen 121(1) Enakmen LUAS 1999 kepada pemis terbahit untuk me-



Keja pembersihan keseluruhan longkang bagi mengelak aliran berminyak memasuki Sungai Gong.

laksanakan kerja pemuliharaan dan pembersihan dengan segera di premis serta jajaran sungai yang terkesan dan kawalan tumpahan di dalam premis daripada terus memasuki aliran Sungai Gong.

Katanya, LUAS turut meletakkan sebanyak empat unit 'oil boom' dan 22 keping 'oil pad' di keseluruhan longkang dan pre-

mis terbahit serta di Sungai Gong sebagai langkah kawalan pencemaran dan membuat sekatan menggunakan pasir dalam premis bagi meningkatkan pencegahan daripada kemasukan apa-apa aliran berminyak ke dalam longkang.

"Kerja-kerja pembersihan dan penyedutan sisa minyak di ke-

semua lokasi terbahit merangkumi di Sungai Gong dalam premis dan kawasan longkang berhampiran sudah dilaksanakan kontraktor yang dilantik premis berkenaan dan selesai semalam.

"Sebanyak 10,000 liter isi padu air yang tercemar dengan sisa minyak dibersihkan dan disedut membabitkan sebuah lori tangki bekapasiti 13,000 liter.

"LUAS seterusnya melakukan verifikasi di semua lokasi terbahit dan ia berjaya dikawal sepenuhnya, di mana keadaan sungai serta keadaan sungai adalah normal," katanya.

Beliau berkata, pemsampelan LUAS di kesemua lokasi berkaitan insiden sudah dihantar untuk analisis Jabatan Kimia Malaysia dan kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 79(1) Enakmen LUAS 1999.

Terdahulu, LUAS mengesan kesan dan bau minyak di Sungai Gong dengan bacaan satu ton pada jam 9.50 pagi, Isnin lalu.

| | | |
|----|-----------------------|---|
| 3. | TAJUK | KILANG TERBAKAR, 3 PEKERJA WARGA ASING CEDERA |
| | SUMBER | BH (10 OKTOBER 2024) |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | ALAM SEKITAR |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | 10 (NASIONAL) |

Kilang terbakar, 3 pekerja warga asing cedera

Kebakaran babit 3 premis dengan satu daripadanya disyaki simpan bahan kimia

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Iskandar Puteri: Tiga pekerja warga asing cedera dalam kebakaran membabitkan tiga kilang di Kawasan Perindustrian SILC, di sini.

Kejadian berlaku jam 11.30 pagi

semalam, dengan satu daripada premis terbakar disyaki membabitkan kilang *thinner* sehingga mencetus kebakaran besar.

Minta penduduk jauhi lokasi

Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M Kumarasan, mengesahkan kejadian itu dengan tiga lelaki warga asing yang cedera dihantar ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), manakala enam dipercayai pekerja tidak cedera.

"Ketika ini pihak bomba berusaha memadam kebakaran, dengan api berjaya dikawal walaupun bukan sepenuhnya," katanya ketika ditemui di lokasi, di sini semalam.

Pada masa sama, Kumarasan

memohon agar penduduk setempat agar tidak berada berdekatan lokasi untuk melihat kejadian lebih dekat.

"Asap masih ada mungkin melibatkan kesihatan terganggu, jadi saya mohon penduduk tidak perlu datang ke lokasi. Biar kami lakukan siasatan," katanya.

Terdahulu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Iskandar Puteri, Mohd Faiz Suleiman, dilaporkan berkata satu daripada kilang itu dipercayai ada menyimpan bahan kimia menyebabkan berlaku letupan.

Beliau dilaporkan berkata terdapat tiga unit kilang yang terbakar, yang mana satu daripadanya mempunyai penyimpanan bahan kimia termasuk *thinner*.



Keadaan kilang yang terbakar di Kawasan Perindustrian SILC, di Iskandar Puteri, semalam. (Foto Omar Ahmad/BH)



Api dan asap tebal dari tiga kilang yang terbakar.

| | | |
|----|-----------------------|---|
| 4. | TAJUK | 3 KILANG TERBAKAR : TIGA PEKERJA ASING CEDERA |
| | SUMBER | HARIAN METRO (11 OKTOBER 2024) |
| | BIDANG PERKARA/SUBJEK | ALAM SEKITAR |
| | MUKA SURAT/RUANGAN | 9 (LOKAL) |

3 KILANG TERBAKAR

Tiga pekerja asing cedera

Oleh Omar Ahmad
am@hmetro.com.my

Iskandar Puteri

Tiga warga asing dipercayai pekerja kilang cedera dalam insiden kebakaran memabatkan tiga kilang, termasuk kilang kimia dipercayai thinner di Kawasan Perindustrian SILC di sini, semalam.

Ketua Polis daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner M Kumarasan berkata, pihaknya menerima panggilan daripada orang awam berhubung kejadian pada jam 11.40 pagi.

Katanya, semua mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), manakala enam lagi warga asing juga dipercayai pekerja tidak mengalami kecederaan.

"Hasil pemantauan mendapati kejadian berlaku kira-kira jam 11.30 pagi, dipercayai ada kilang yang terbakar menyimpan kimia disyaki thinner dan mengakibatkan keba-

"Semua mangsa dibawa ke Hospital Sultanah Aminah (HSA), manakala enam lagi warga asing juga dipercayai pekerja tidak mengalami kecederaan"

Ketua Polis daerah Iskandar Puteri, Asisten Komisioner Kumarasan



TIGA unit kilang di Kawasan Perindustrian SILC, dilaporkan terbakar dalam kejadian semalam.

karan besar.

"Ketika ini (setakat jam 3.30 petang) pihak bomba berusaha memadam kebakaran, api sudah dapat dikawal walaupun bukan sepenuhnya," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian di Kawasan Perindustrian SILC Iskandar Puteri di sini, semalam.

Dalam masa sama, Kumarasan meminta penduduk setempat tidak menghampiri lokasi kejadian.

"Asap masih ada yang mungkin boleh menyebabkan kesihatan terganggu, jadi saya mohon penduduk tidak ke lokasi. Biar kami lakukan siasatan dahulu," katanya.

Sekiranya YBrs/ Dr./ Ir./ Ts. /Tuan/Puan, memerlukan maklumat lanjut, hubungi
Unit Perpustakaan EiMAS di emel berikut:

1. Haslinda Binti Mustaffa (haslindamustaffa@doe.gov.my)
2. Jamilah Binti Abdullah (jamilah@doe.gov.my)
3. Azrawirda Zarza Binti Aznan (zarza@doe.gov.my)

**Perpustakaan Enviro Digital@Eimas
Institut Alam Sekitar Malaysia (EiMAS)
Jabatan Alam Sekitar
Kampus Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
43600 UKM Bangi, Selangor**